

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH (SETIU)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 22.03.2018

Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [SETIU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah aduan terkini pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang telah ditipu oleh sindiket dan agen haram bagi mengeluarkan wang untuk tujuan pelaburan serta amaun terkumpul dan tindakan yang telah diambil bagi menjaga kepentingan, hak dan masa depan pencarum daripada ditipu oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini, Kumpulan Wang

Simpanan Pekerja (KWSP) tidak menerima sebarang aduan daripada pencarum KWSP yang ditipu oleh sindiket atau agen haram bagi mengeluarkan wang untuk tujuan pelaburan. Walau bagaimanapun, KWSP dari semasa ke semasa ada mengesan kes-kes penipuan yang melibatkan ahli atau ahli bekerjasama dengan sindiket bagi membuat pengeluaran KWSP. Daripada tahun 2011 hingga 2017, sebanyak 569 kes telah dikesan melakukan cubaan penipuan melibatkan skim pengeluaran Membeli Rumah, Hilang Upaya, Pendidikan, Kesihatan dan Kematian. Walaupun bilangan kes penipuan ini adalah kecil, KWSP memandang serius dan sentiasa memantau cubaan kes penipuan termasuk yang dikendalikan oleh sindiket. KWSP dari semasa ke semasa sentiasa menilai dan memperketatkan proses, prosedur dan sistem bagi memitigasi risiko ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, ahli yang didapati bersalah melakukan penipuan pengeluaran boleh dikenakan hukuman maksimum penjara sehingga tiga tahun atau denda RM10,000 atau kedua-duanya sekali. Ahli yang memulangkan wang yang dikeluarkan secara tidak sah dalam tempoh enam bulan dari tarikh sabitan hanya dibenarkan memohon di bawah pengeluaran yang sama selepas tempoh dua tahun dari tarikh wang tersebut dikeluarkan. Ahli yang gagal memulangkan amaun yang dikeluarkan selepas tempoh enam bulan dari tarikh sabitan akan hilang hak bagi membuat pengeluaran

yang sama selama-lamanya.

SOALAN NO.36**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN SU KEONG SIONG
[IPOH TIMUR]****TARIKH : 22 MAC 2018****SOALAN :**

YB Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini berkenaan dengan pindaan kepada Akta Acara Undang-Undang Sivil yang telah lama tertunda. Adakah Kerajaan berhasrat untuk meminda akta tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pindaan kepada Akta Undang-Undang Sivil 1956 [Akta 67] yang merangkumi peruntukan mengenai pemberian dan pengiraan ganti rugi bagi kemalangan maut dan kecederaan diri dengan mengambil kira perubahan ekonomi dan sosial di Malaysia telah dibentangkan di Kabinet dan telah diluluskan.

Jemaah Menteri pada 21 Mac 2018 telah bersetuju supaya Rang Undang-Undang Sivil (Pindaan) 2018 dibentangkan di Mesyuarat Pertama, Penggal keenam Parlimen ke-13 yang sedang berlangsung.

Sekian, terima kasih.